

KEKOSONGAN JAWATAN

PENSYARAH UNIVERSITI (TETAP) DI PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN JARAK JAUH UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

- I. PENSYARAH UNIVERSITI VK7 (PROFESOR)
- II. PENSYARAH UNIVERSITI DS14 (PROFESOR MADYA)
- III. PENSYARAH UNIVERSITI DS13

BIDANG

EKONOMI

- i. Kewangan Antarabangsa

KELAYAKAN

- i. Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Ekonomi atau yang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia, **DAN**
- ii. Memperolehi kepujian dalam subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

SYARAT MINIMA

I. PENSYARAH UNIVERSITI VK7 (PROFESOR)

- a. 20 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS/Scopus) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) dengan lima (5) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS / Scopus

ATAU

Sekurang-kurangnya 15 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS/Scopus) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) **dan** kombinasi 5 penerbitan bab buku penyelidikan dan buku penyelidikan.

DAN

Satu (1) penerbitan Bahasa Melayu dalam bidang kepakaran.

- b. Geran luar di peringkat kebangsaan/antarabangsa yang kompetitif dan disahkan SELESAI sebagai Penyelidik Utama dengan dana kumulatif minimum RM100,000.

- c. Mempunyai pengalaman pengajaran minimum 36 unit kredit **DAN** minimum dua (2) jenis inovasi dalam penyampaian, penilaian dan penyeliaan.
- d. Mengijazahkan minimum dua (2) pelajar PhD atau DrPH sebagai PENYELIA UTAMA.
- e. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat kebangsaan **DAN** dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat antarabangsa.
- f. Mempunyai perundingan luar luar (termasuk contract research / latihan / perkhidmatan atau sebarang bentuk penjaan kewangan dalam bidang kepakaran) sebagai Ketua Projek – Komuniti / Industri yang disahkan SELESAI dengan dana kumulatif minimum RM50,000.
- g. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) penglibatan di peringkat Universiti **DAN** tiga (3) penglibatan di peringkat kebangsaan/antarabangsa.

II. PENSYARAH UNIVERSITI DS14 (PROFESOR MADYA)

- a. 10 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS/Scopus) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) dengan tiga (3) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS / Scopus.

ATAU

Sekurang-kurangnya enam (6) penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS/Scopus) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) **dan** empat (4) penerbitan bab buku penyelidikan atau satu (1) buku penyelidikan.

DAN

Satu (1) penerbitan Bahasa Melayu dalam bidang kepakaran.

- b. Geran luar di peringkat kebangsaan/antarabangsa yang kompetitif dan disahkan SELESAI sebagai Penyelidik Utama dengan dana kumulatif minimum RM50,000.
- c. Mempunyai pengalaman pengajaran minimum 36 unit kredit **DAN** minimum satu (1) jenis inovasi dalam penyampaian, penilaian dan penyeliaan.
- d. Mengijazahkan minimum satu (1) pelajar PhD atau DrPH sebagai PENYELIA UTAMA.
- e. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat kebangsaan.
- f. Mempunyai perundingan luar luar (termasuk contract research / latihan / perkhidmatan atau sebarang bentuk penjaan kewangan dalam bidang kepakaran) sebagai Ketua Projek – Komuniti / Industri yang disahkan SELESAI dengan dana kumulatif minimum RM20,000.
- g. Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) penglibatan di peringkat Jabatan/Pusat Pengajian/Pusat **DAN** dua (2) penglibatan di peringkat Universiti/kebangsaan/antarabangsa.

III. PENSYARAH UNIVERSITI DS13

- a. Sekurang-kurangnya empat (4) penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS/Scopus/MyCite/ERA/Buku/Bab Dalam Buku) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*).
- b. Pengalaman pengajaran sekurang-kurangnya satu (1) semester / pengalaman dalam bidang industri minimum tiga (3) tahun

SPESIFIKASI TUGAS

- i. Calon yang berjaya dikehendaki menjalankan pengajaran, pentadbiran, penyelidikan dan penyeliaan dalam bidang Ekonomi.
- ii. Melibatkan diri dalam perundingan, pengkomersilan serta khidmat kepada universiti dan masyarakat.
- iii. Menerbitkan hasil penyelidikan dalam jurnal berimpak tinggi
- iv. Membangunkan bahan pengajaran dalam bentuk SIM/Micro Credential/MOOC
- v. Memegang geran penyelidikan sebagai Penyelidik Utama
- vi. Menguruskan kursus akademik dengan cemerlang
- vii. Menyelia pelajar siswazah

CARA MEMOHON

Majukan secara emel butiran jaya diri (CV), Sijil Akademik dan dokumen-dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya **24 MAC 2025** kepada:

DEKAN
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang
Emel: dean_sde@usm.my

Nota: Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.